

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Takaful Keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; anda juga harus membacanya.

1 Apakah BSN Takaful Sakinah Plus?

BSN Takaful Sakinah Plus adalah suatu pelan takaful berkumpulan berpatutan yang boleh diperbaharui setiap tahun di mana Bank Simpanan Nasional (BSN) adalah Pemegang Sijil Induk kepada pelan ini. Ahli yang Dilindungi di bawah pelan ini merangkumi pelanggan-pelanggan BSN yang berumur di antara 19 hingga 60 tahun pada Tarikh Lahir akan Datang (ANB).

Pelan ini memberi perlindungan untuk Kematian bukan akibat Kemalangan dan Kematian akibat Kemalangan. Jika Kematian akibat Kemalangan berlaku Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan Haji atau Umrah, pelan ini akan memberikan perlindungan yang lebih tinggi. Pelan ini juga disertakan dengan Manfaat Khairat dan Rebat Sumbangan sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal selepas pembaharuan sijil dengan pelan yang sama pada akhir Tempoh Perlindungan. Pelan ini menawarkan perlindungan dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

BSN Takaful Sakinah Plus adalah suatu produk patuh Syariah. Sumbangan yang dibayar oleh Ahli yang Dilindungi, akan terlebih dahulu menolak Caj Wakalah Pendahuluan, manakala bakinya akan diperuntukkan ke dalam Dana Tabarru' untuk tujuan perlindungan.

Konsep Syariah yang berkenaan

- Ta'awun: Apabila anda menyumbang ke dalam Dana Tabarru' untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- Wakalah bi al-ujrah: Apabila Pemegang Sijil Induk melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana tersebut sebagai wakil, dan PruBSN akan menerima upah, termasuk yuran prestasi daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Tabarru'.

Nota: Penerangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda?

Manfaat takaful berikut akan disediakan berdasarkan pelan yang dipilih:

Manfaat-manfaat	Pilihan Pelan			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1. Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan *	RM10,000	RM15,000	RM20,000	RM30,000
2. Manfaat Kematian akibat Kemalangan	RM20,000	RM30,000	RM40,000	RM60,000
3. Manfaat Kematian akibat Kemalangan (Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan Haji atau Umrah)	RM30,000	RM45,000	RM60,000	RM90,000
4. Manfaat Khairat	RM1,500	RM1,700	RM2,500	RM3,500
5. Rebat Sumbangan	Diskaun serta-merta sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama			

- Nota:
- *Tertakluk kepada Tempoh Menunggu 4 bulan daripada Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.
 - Tempoh Perlindungan: Ini adalah pelan yang boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga Umur 60 tahun (Umur tamat maksimum adalah Umur 61 tahun).
 - Hanya satu daripada manfaat kematian di bawah akan dibayar apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut: Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan; Manfaat Kematian akibat Kemalangan; Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan; atau Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Semasa Menunaikan Haji atau Umrah; yang mana lebih tinggi.
 - Musim Perayaan adalah merujuk kepada kepada perayaan-perayaan beikut termasuk 2 hari sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan di bawah:

Hari Pertama:	Hari Pertama dan Kedua:
Deepavali; Krismas	Hari Raya Aidilfitri Tahun Baru Cina Hari Gawai Pesta Kaamatan

- Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan Haji atau Umrah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - Tempoh perlindungan akan menjadi tempoh sebenar perjalanan sehingga 45 hari untuk Haji dan 15 hari untuk Umrah.
 - Perlindungan bermula apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen ke Arab Saudi dan berakhir apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen di destinasi di mana Ahli yang Dilindungi bertolak dari Arab Saudi.Contoh:

Perjalanan Daripada	Perjalanan Ke	Perlindungan
Kuala Lumpur	Saudi Arabia	Perlindungan bermula apabila melepasi imigresen Malaysia
Saudi Arabi	Kuala Lumpur	Perlindungan berakhir apabila melepasi imigresen Malaysia

- Manfaat ini akan diberi untuk tujuan Haji atau Umrah sahaja. Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan semasa Ziarah ataupun pelancongan, sekiranya Ahli yang Dilindungi menunaikan Ziarah ataupun melancong keluar dari Arab Saudi semasa tempoh Haji atau Umrah.
- Keterangan perlindungan dan manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

Produk takaful keluarga anda mengecualikan:

- Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan sekiranya:
- kematian Ahli yang Dilindungi disebabkan oleh perbuatan membunuh diri sama ada semasa waras atau tidak waras dalam

tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi atau tarikh pengendorsan, yang mana kemudian,

- Ahli yang Dilindungi meninggal dunia bukan akibat kemalangan dalam tempoh 4 bulan Tempoh Menunggu dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian akibat Kemalangan**, termasuk **Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan Haji atau Umrah** sekiranya kematian adalah secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh salah satu (1) daripada yang berikut:

- peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti penganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti penganas.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful keluarga anda atau inisiatif Perlindungan Tenang, sila layari www.mycoverage.my atau hubungi PruBSN di:

**Hubungi PruBSN di**
03 2778 2155

**Email PruBSN di:**
customer@prubsn.com.my

**Layari portal pelanggan di**
<https://www.bsn.com.my/page/BSNTakafulSakinahPlus>

3 Ketahui Kewajipan Anda?

Untuk sijil takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful mengikut jenis pelan yang dipilih seperti jadual di bawah:

Amaun Sumbangan Takaful	Pilihan Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
	Sumbangan Tahunan Asal	RM65	RM95	RM130	RM190

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Caj Wakalah Pendahuluan* 35% daripada setiap sumbangan yang dibayar termasuk 10% daripadanya ialah untuk komisen yang dibayar kepada bank.

Pilihan Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Caj Wakalah Pendahuluan	RM22.75	RM33.25	RM45.50	RM66.50
Komisen	RM6.50	RM9.50	RM13.00	RM19.00

Nota:

- *Semasa pembaharuan, 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal akan dikecualikan oleh PruBSN daripada Caj Wakalah Pendahuluan.
- Duti Setem sebanyak RM10 dibayar sekali bagi setiap Sijil Induk.

4 Terma Utama Lain

- Kepentingan pengisytiharan:** Ahli yang Dilindungi mesti mendedahkan semua fakta material dan nyatakan umur dengan betul.
- Tempoh Tangguh:** Tempoh 30 hari kalendar selepas Tarikh Tamat Sumbangan, di mana perlindungan takaful di bawah sijil takaful akan terus berkuat kuasa, walaupun sumbangan belum dibayar. Sekiranya Ahli yang Dilindungi tidak membayar sumbangan semasa tempoh tangguh, sijil takaful akan ditamatkan.
- Penamaan:** Ahli yang Dilindungi dinasihatkan supaya menamakan penama(-penama) untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Ahli yang Dilindungi juga perlu memastikan bahawa penama(-penama) mengetahui tentang sijil yang ditawarkan kepada Ahli yang Dilindungi.
- Tempoh Menunggu:** kelayakan untuk Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan hanya akan bermula selepas 4 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.
- Pembaharuan:** sijil takaful bagi Ahli yang Dilindungi akan diperbaharui secara automatik pada Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan Ahli yang Dilindungi dengan pelan yang sama.
- Tuntutan:** sila merujuk kepada Ringkasan Sijil Induk atau Soalan Lazim (FAQ) untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota: Terma utama di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- Tempoh Rujukan Percuma:** Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan secara terus kepada PruBSN dan menyertakan butiran pengenalan peribadi dalam tempoh 15 hari dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan memulangkan sumbangan yang dibayar untuk perlindungan takaful yang berkenaan dengan Ahli yang Dilindungi.
Notis Bertulis: Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan di bawah pelan ini dengan memberi notis bertulis kepada PruBSN. PruBSN boleh menamatkan pelan dengan memberi pemberitahuan selama 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh sijil. Walau bagaimanapun, sebarang permohonan untuk pembatalan dalam Tempoh Perlindungan akan dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui sijil pada tamat tempoh tahunan. PruBSN akan terus memberikan perlindungan sehingga tamat tempoh sijil.

Nota: Terma utama di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).